

PML UMS Pupuk Budaya Lestarikan Alam Sekitar dalam Kalangan Murid-murid

Terakhir dikemaskini: Isnin, 04 November 2019 15:22 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 43

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN,

4

NOVEMBER – Pusat Minda Lestari (PML) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam memupuk dan menerapkan budaya mencintai dan melestarikan alam sekitar dalam kalangan murid-murid prasekolahnya.

Antara usaha tersebut termasuklah menjalankan kerjasama erat dengan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS melalui Program Rakan Borneensis Junior melibatkan murid-murid PML berumur 5 hingga 6 tahun yang diadakan pada awal bulan Mac tahun ini.

Demikian menurut Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof ketika menyampaikan ucapan perasmian Majlis Graduasi PML kali ke-9 yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 1, UMS baru-baru ini.

Kata Vina, Program Sambutan Hari Kanak-Kanak dan Guru baru-baru ini juga menyaksikan PML telah mengadakan kerjasama dengan Pusat Pengurusan EcoCampus UMS bagi menjalankan aktiviti berkaitan kelestarian alam.

“Usaha ini layak diberi pujian kerana pengisian program tersebut secara tidak langsung menunjukkan sokongan kita terhadap agenda EcoCampus seterusnya memberikan kesedaran mengenai pentingnya menjaga kelestarian alam sekitar kepada murid-murid PML.

“Ini juga merupakan satu proses pembelajaran yang dapat mendidik anak-anak kita untuk menghargai alam sekitar dari awal usia dan diharapkan akan terus tersemat di jiwa mereka sehingga dewasa,” katanya.

Vina menambah, tema Majlis Graduasi PML, iaitu Keajaiban Rimba Tropika juga adalah sangat sinonim dengan usaha PML untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang bukan hanya tertumpu di dalam kelas semata-mata tetapi pembelajaran berdasarkan *Nature Learning*.

“Usaha PML dalam meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran bagi murid-murid PML juga harus dibanggakan, kerana pada tahun ini, PML telah melaksanakan cadangan untuk memasang papan pintar atau

Smart Interactive Board untuk pengajaran dan pembelajaran di Tadika.

"Ini bermakna PML telah selangkah ke hadapan bersama-sama pihak universiti dalam menyahut seruan Transformasi IR4.0, dan merupakan langkah yang bijak bagi terus meningkatkan kecemerlangan pendidikan awal kanak-kanak seiring dengan objektif penjenamaan semula PML untuk menjadikannya sebagai pusat rujukan dalam bidang tersebut," ujar Vina.

Pada majlis tersebut, Vina turut menyampaikan sijil graduasi kepada 32 murid-murid PML berumur 6 tahun yang bakal menjakkan kaki ke peringkat sekolah rendah tahun hadapan.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka merangkap wakil daripada Rumah Kebajikan Kota Kinabalu, Norjanah Yusof; Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Prof. Madya Dr. Patricia Matanjun; Pengarah PML, Aidah Nordin; Pengurus Jawatankuasa Modul PML, Dr. Connie Shin @ Connie Cassy Ompok; Ahli Jawatankuasa Pelan Pemakanan PML, Dr. Yasmin Ooi Beng Houi dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru PML, Samsuidin Nurdin.